

# Agenda pembangunan Ekonomi MADANI perlu 'kalis politik'

• Kebijaksanaan pemimpin untuk mewujudkan rekonsiliasi politik amat penting dalam situasi semasa demi menjaga kestabilan dan kelangsungan ekonomi rakyat

• Perancangan dan pembangunan ekonomi di peringkat Persekutuan perlu diujicuba pada peringkat negeri bagi mewujudkan kebersamaan dalam merealisasikan pembangunan mampan dan seimbang merentas wilayah



Muhammad Daaniyall adalah Pensyarah Kanan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Putra Malaysia (UPM), manakala Muhammad Adib adalah Ahli Ekonomi Muda Pusat Kajian Pasaran Buruh Masa Hadapan (EU-ERA)

Oleh Dr Muhammad Daaniyall  
Abd Rahman dan Muhammad  
Adib Jamal  
bhrencana@bh.com.my

Gagasan Ekonomi MADANI dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim meletakkan aspirasi untuk memperjuangkan keadilan sosial untuk meningkatkan taraf hidup rakyat. Ternyata inspirasi itu sangat bermakna ketika ini apabila tuntutan kepada lonjakan paradigma dalam formulasi dasar amat diperlukan untuk memastikan rakyat mendapat manfaat sewajarnya.

Tambahan pula, kesaksamaan peluang ditekankan dalam kerangka Ekonomi MADANI menjurus kepada akses keadilan peluang kepada jantina, masyarakat dan wilayah. Realitinya, negara kita masih dibelenggu isu ketidakseimbangan pertumbuhan ekonomi antara wilayah yang masih menunggu penyelesaian tuntas untuk menangani isu struktural ini.

Landskap ekonomi semasa masih memperlihatkan dominasi beberapa negeri kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia. Pada 2022, lebih 60 peratus daripada KDNK negara disumbangkan lima negeri, iaitu Selangor sebanyak 26.2 peratus; Kuala Lumpur dan Putrajaya (16.3 peratus); Johor (9.7 peratus); Sarawak (9.6 peratus) dan Pulau

Pinang (7.6 peratus). Jika dibandingkan dengan statistik pada 2005, keadaan hampir sama juga ditunjukkan apabila negeri sama memberikan sumbangan besar kepada ekonomi negara.

Malah, dalam tempoh hampir dua dekad ini, purata kadar pertumbuhan KDNK lima negeri berkenaan berada pada paras 5.9 peratus berbanding 4.5 peratus bagi purata pertumbuhan KDNK negeri lain. Jurang pertumbuhan ekonomi antara wilayah yang berlaku ini seolah-olah memperlihatkan wujudnya polarisasi ekonomi dengan negeri maju terus terkehadapan, manakala negeri kurang maju masih bergelut menongkah arus pembangunan.

Jelasnya, polarisasi ekonomi ini boleh memberikan kesan kepada pertumbuhan dan daya tahan sesebuah ekonomi, menyebabkan kelewatan pertumbuhan wilayah tertentu dan terdedah kepada risiko ekonomi.

Pertumbuhan ekonomi tidak seimbang ini sudah pasti memberikan kesan kepada tingkat pendapatan

dan penciptaan peluang pekerjaan kepada rakyat. Dari segi ekonomi, kegiatan aktiviti ekonomi lebih tertumpu kepada sesuatu kawasan, terutama di kawasan bandar, boleh menghasilkan peluang pekerjaan lebih baik.

Dalam tempoh 15 tahun, data menunjukkan Selangor mencipta sekitar 102,200 peluang pekerjaan setahun, berbanding Pahang dengan 10,300; Kelantan (16,000); Negeri Sembilan (6,100) dan Terengganu (7,800).

### Pasaran buruh terkesan

Trend ini menunjukkan pasaran buruh juga akan terkesan ekoran ketidakseimbangan pertumbuhan ekonomi antara wilayah.

Perlu ditekankan bahawa pewujudan peluang pekerjaan adalah lebih terhad di kawasan kurang membangun dan situasi ini boleh melebar jurang agihan pendapatan rakyat.

Dari sudut peningkatan gaji dan upah pula, purata gaji di Selangor meningkat daripada RM2,429 pada 2010 kepada RM3,543 pada 2021. Pada masa sama, purata gaji di Terengganu meningkat sekitar RM753, iaitu pada paras purata RM2,490 pada 2021.

Justeru ketidakseimbangan dan kesenjangan ekonomi ini memerlukan penjarangan dasar pembangunan yang lebih holistik. Dalam dokumen Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12), kerajaan Persekutuan menggariskan hala tuju jelas untuk meningkatkan keseimbangan wilayah dan mendorong ke arah pertumbuhan inklusif.

Semestinya hala tuju strategi ini juga diambil kira dalam kerangka Ekonomi MADANI.

Pembangunan wilayah dan nod pembangunan strategik diberikan fokus utama bagi memastikan pembangunan secara terangkum dapat diujicuba.

“Satu mekanisme pemurnian dasar pembangunan Persekutuan dan negeri wajar diwujudkan supaya satu titik persamaan boleh dicapai untuk manfaat semua pihak”

Antaranya, pembangunan kawasan Lembah Wasan Malaysia 2.0 (MVV 2.0) di Negeri Sembilan yang bakal menempatkan pelbagai industri berimpak tinggi seperti industri aeroangkasa, halal dan maritim.

Logiknya, pembangunan berimpak seperti ini mampu memberikan kesan limpahan kepada pembangunan ekonomi negeri, termasuk penciptaan peluang pekerjaan dengan tingkat pendapatan bermaruah kepada rakyat.

Sungguhpun begitu, wujud persoalan penting perlu diberikan perhatian, iaitu sejauh manakah pentadbiran peringkat negeri menyambut hala tuju strategi pembangunan ini?

Sewajarnya, perancangan dan pembangunan ekonomi di peringkat Persekutuan perlu diujicuba pada peringkat negeri bagi mewujudkan kebersamaan dalam merealisasikan pembangunan mampan dan seimbang merentas wilayah.

Tambahan pula, umum perlu mengetahui kerajaan negeri juga mempunyai perancangan pembangunan ekonomi tersendiri.

Contohnya, Rancangan Selangor Pertama, Rancangan Pembangunan Negeri Sembilan 2021-2025, Pelan Induk Terengganu Sejahtera 2030 dan Pelan Pembangunan Kedah 2035, adalah antara pelan pembangunan dibangunkan di peringkat kerajaan negeri.

Semua dokumen ini bertujukan pembangunan ekonomi dan menyasarkan peningkatan peluang pekerjaan dan penjarangan pendapatan kepada rakyat.

Dalam hal ini, satu mekanisme pemurnian dasar pembangunan Persekutuan dan negeri wajar diwujudkan supaya satu titik persamaan boleh dicapai untuk manfaat semua pihak.

Tidak kurang pentingnya, agenda pembangunan mesti bersifat 'kalis politik'. Ini kerana situasi politik semasa dilihat boleh memberi cabaran kepada kerajaan Persekutuan untuk menyelaras pembangunan di beberapa negeri.

Bagaimanapun, kebijaksanaan pemimpin untuk mewujudkan rekonsiliasi politik amat penting dalam situasi semasa demi menjaga kestabilan dan kelangsungan ekonomi rakyat.

Tidak dinafikan kerjasama strategik antara kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri akan memperkukuhkan lagi matlamat untuk membangunkan negara.

Justeru, agenda pembangunan negara perlu bersifat 'kalis politik' supaya hala tuju yang digariskan dalam dokumen pembangunan boleh direalisasikan dalam tempoh yang diunjurkan, tanpa mengira tampuk pemerintahan.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH



Oleh Dr Norlaile Salleh Hudin  
dan Dr Noraine Salleh Hudin  
bhrencana@bh.com.my

Arahan pemakaian batik Malaysia setiap Khamis mula dikuatkuasakan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), minggu ini dan kelonggaran diberikan kepada penjawat awam mengenai pakaian warisan itu pada setiap hari bekerja ekoran peraturan menyelaraskan pendingin hawa pada bangunan kerajaan kepada 24 hingga 25 darjah Celcius, memberikan khabar baik kepada industri berkenaan.

Diakui, arahan dan kelonggaran itu menimbulkan pelbagai reaksi penjawat awam yang walaupun umumnya menyambut baik, tidak kurang ada juga mengeluh kerana baju batik asli dikatakan mahal dan merungut kerana ia mudah berkedut hingga mengangap pemakaiannya tidak sesuai untuk semua keperluan tugas.

Kita perlu mengukuh harga baju batik dalam pasaran boleh mencecah ratusan ringgit, sekali gus membebaskan sebahagian penjawat awam berdasarkan faktor gaji dan tanggungan setiap keluarga.

Bagaimanapun, tidak ramai menyedari proses pengeluaran batik di negara ini menelan kos tinggi termasuk penggunaan pewarna batik berkualiti tinggi bagi membolehkan warna corak itu tidak luntur bertahun-tahun yang perlu diimport dari luar negara seperti Jerman.

Pengeluaran batik pula dibuat secara manual, iaitu kerja tangan, selain memerlukan cuaca panas terik agar corak terhasil lebih cantik. Ini semua menjadikan pengeluaran batik terhad dan terpaksa dijual dengan harga tinggi untuk meneruskan kelangsungan perniagaan batik.

Pada masa sama, lambakan pelbagai rekaan baju kurung lebih mampu milik juga menyebabkan batik Malaysia kurang menjadi pilihan pembeli. Ma-



Pensyarah Kanan  
Universiti Pendidikan  
Sultan Idris (UPSI)

lah, pengeksport kain dari negara luar mengambil kesematan terhadap masyarakat tempatan yang tidak kenal batik Malaysia asli untuk menawarkan pilihan lain.

Kesannya, industri batik tempatan semakin merudum dan tidak hairanlah jika warisan kebangsaan Malaysia itu dibimbangi akan pupus satu hari nanti. Oleh itu, inisiatif peningkatan kerajaan ini boleh dianggap titik penting dalam memastikan kelestarian batik Malaysia.

### Kembangkan ekonomi tempatan

Malah, batik Malaysia dipromosikan kerajaan selari dengan Matlamat Pembangunan Mapan (SDG), iaitu mengembangkan ekonomi tempatan di samping memelihara alam sekitar jika dilaksanakan dalam ekosistem betul.

Batik boleh dikategori berdasarkan kaedah penghasilan corak, iaitu batik lukis dan batik cap. Bagi batik cap, tahap kerumitan corak dan bilangan warna digunakan mempengaruhi harga jualan.

Kerumitan corak bergantung bilangan lapisan cap pada setiap kain, iaitu mencecah hingga empat lapisan. Setiap warna pada kain pula memabatkan proses sapuan dan pengeringan berasingan.

Oleh itu, batik dengan pelbagai warna memerlukan lebih masa untuk disiapkan hingga tidak



hairanlah penggiat batik profesional boleh menghasilkan 14 helai kain batik ela sehari.

Batik berkualiti mematuhi standard wawaian MS 692:2019 dan tidak mudah pudar walaupun dipakai bertahun-tahun. Sebagai penghargaan, batik Malaysia diraikan dengan sambutan Hari Batik Malaysia pada 3 Disember setiap tahun.

Bagaimanapun, pengusaha batik tidak boleh berpuas hati dengan arahan dan kelonggaran baharu dibuat kerajaan, sebaliknya perlu terus berinovasi untuk menambat hati pelanggan dengan menghasilkan motif batik berinspirasi budaya setiap negeri, selaras hasrat Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.

Dalam rangka menurunkan kos dengan mengurangkan kebergantungan kepada import pewarna, sumber tumbuh-tumbuhan terdapat di negara ini boleh dimanfaatkan sebagai pewarna semula jadi. Malah, langkah ini juga boleh mengurangkan impak negatif terhadap alam sekitar.

Selain itu, penggunaan material lebih murah dan mudah dijaga juga perlu diperkenalkan untuk kegunaan harian, sekali gus dapat memberikan penyelesaian kepada isu kepenggunaan termasuk yang ditimbulkan penjawat awam.

Universiti dan industri pula boleh bekerjasama dalam membangunkan teknologi baharu untuk modenkan pengeluaran batik secara komersial dan besar-besaran. Sebagai contoh, mesin mencuci dan mengeringkan kain batik berskala besar amat diperlukan agar lebih banyak fabrik itu mampu dihasilkan tanpa menunggu hari panas.

Hakikatnya, khazanah warisan bangsa ini tidak akan dapat bertahan dengan hanya dokongan kerajaan atau penjawat awam, sebaliknya ia akan terus dipertahankan sekiranya masyarakat sendiri memilih batik sebagai pakaian pilihan utama.

Justeru, kita berharap usaha memupuk perasaan bangga terhadap khazanah warisan tidak ternilai itu terus dipupuk dan disemai dalam jiwa generasi muda serta baharu, sekali gus dapat memastikan ia kekal sepanjang zaman.

## Penguasaan ilmu teras bina bangsa dan negara



Oleh Prof Dr Shukran Abd Rahman  
bhrencana@bh.com.my

Keazaman membina bangsa dan negara memerlukan usaha terancang dalam segenap aspek dengan pendidikan menduduki keutamaan tertinggi. Dalam hal ini, negara ini mempunyai falsafah penting bagi sistem pendidikannya, iaitu Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Falsafah itu menjadi tonggak menggariskan pengertian kepada usaha pendidikan dan membina asas kepada sistemnya. Sekurang-kurangnya empat asas penting digariskan, iaitu pendidikan sebagai satu proses berterusan, meliputi pelbagai bidang ilmu, mementingkan pemupukan sistem nilai dan menyediakan warga kompeten untuk memaju serta memacu pencapaian matlamat negara.

Pendidikan juga mesti menjadi berterusan memperkembang potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu. Ia dilaksanakan pelbagai pihak, tidak terbatas kepada institusi pendidikan tetapi seluruh agensi dan pihak berinteraksi de-

ngan masyarakat.

Justeru, semua pihak perlu mengambil peranan mendidik anak bangsa terutama dalam melahirkan ahli masyarakat berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri. Semua pihak perlu berpadu tenaga termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pemimpin masyarakat serta pengembara media sosial.

Pendidikan juga membina kecekapan dalam pelbagai bidang ilmu, kemahiran dan kebolehan. Masyarakat perlu memiliki kompetensi kukuh, menguasai ilmu asas dan terkini serta mampu mengabungkan dan menghubungkan kait ilmu dengan kehendak semasa dan setempat.

Ini penting untuk memahami tuntutan kehidupan, menyelesaikan masalah, mencipta pembaruan dan memacu pembangunan negara. Kearifan tempatan perlu diangkat serta digabungkan dengan ilmu terkini untuk menghasilkan penyelesaian dan intervensi dalam membangun dan memperbaiki kehidupan.

Pendidikan juga perlu menekankan pembinaan sistem nilai. Masyarakat perlu berpegang kepada prinsip dan jati diri memandu tindakan mereka, beretika membuat keputusan apabila berhadapan

sesuatu keadaan serta bijak menilai sebelum mengambil sebarang tindakan.

Proses pendidikan di sekolah, rumah, tempat kerja dan tempat awam serta dalam ruang media cetak, elektronik serta sosial perlu mengandungi input menghasilkan masyarakat berkualiti, prinsip, etika dan ciri positif, sesuai dengan tuntutan Rukun Negara.

Semua pihak perlu menyedari bertanggungjawab melahirkan masyarakat seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Dalam konteks ini, masyarakat perlu didedahkan dengan unsur boleh membuatkan mereka terdidik sebagai ahli masyarakat berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta menyumbang kepada kesejahteraan negara.

Pada masa sama, kita tidak boleh melupakan matlamat menyediakan warga cekap dan tersedia untuk memacu pembangunan negara pada abad ke-21. Mereka perlu dilapspagakan untuk menguasai ilmu, kemahiran, etika dan nilai untuk menjadi tenaga kerja unggul yang dapat menyumbang kepada kemakmuran negara tanpa meminggirkan keharmonian diri, keluarga dan masyarakat.